



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SMS yang dihantar oleh IB melalui segmen Negara, Kosmo pada 3 Mac 2010 iaitu "Kesal dengan Petugas Disebuah Kolam Renang Di Putrajaya".

Dimaklumkan bahawa kolam renang Kompleks Kejiranan Presint 9 adalah bersaiz kecil dengan kedalaman 1.2 meter yang tidak memerlukan khidmat penyelamat nyawa (*life guard*). Oleh yang demikian, tidak ada keperluan untuk petugas lelaki mengawal kawasan mandi wanita sepertimana yang diadu.

Siasatan kami mendapati bahawa pada minggu lepas, terdapat seorang penceroboh (wanita) yang telah memasuki kawasan kolam renang tanpa bayaran. Ketika ditegur oleh Pegawai Keselamatan, penceroboh berkenaan telah bersikap kasar, samseng dan biadap terhadap Pegawai Keselamatan kami.

Siasatan PPj juga mendapati bahawa penceroboh tersebut telah beberapa kali menceroboh masuk ke kolam renang berkenaan tanpa membuat bayaran. Beliau juga didapati telah melanggar peraturan tata laku berpakaian di kolam renang tersebut.

Sehubungan itu, PPj berpendapat bahawa aduan yang dikemukakan oleh pengadu ini adalah tidak berasas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 Mac 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Kosmo
Segmen: Negara
M/s : 16
Tarikh : 3 Mac 2010

■ **KESAL** dengan petugas di sebuah kolam renang di Putrajaya. Cakap kasar dengan orang awam. Selain itu, lelaki muda pula yang mengawal kawasan wanita mandi.
•**IB**